

17 FEB 2000

Mahathir-Mahkamah

SAYA AKAN BERI KETERANGAN JIKA DIKEHENDAKI MAHKAMAH, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa beliau akan hadir pada perbicaraan bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim jika mahkamah memutuskan bahawa keterangannya relevan kepada perbicaraan itu.

"Jika ia relevan tentulah saya kena pergi. Itu undang-undang. Tak ada apa yang dapat saya lakukan mengenainya," kata Dr Mahathir kepada pemberita di sini ketika ditanya mengenai permintaan pihak pembelaan supaya beliau memberi keterangan pada perbicaraan itu.

Dr Mahathir ditemui pemberita selepas merasmikan "Persidangan Pengangkutan Udara Asia 2000" di sini.

Beliau berharap keterangannya akan relevan kepada kes itu kerana beliau tidak mahu ia menjadi seolah-olah suatu "political stunt."

"Saya harap ia relevan kepada kes itu. Jika ia tidak relevan kepada kes itu dan mereka hanya mahu menjadikan suatu pertunjukan politik daripadanya, maka saya rasa ia tidaklah wajar."

Mahkamah Tinggi sedang mendengar penghujahan daripada pihak pendakwaan dan pembelaan mengenai relevan atau tidaknya keterangan Dr Mahathir sebelum membuat keputusan sama ada Perdana Menteri harus dipanggil untuk memberi keterangan.

Hakim Datuk Arifin Jaka memutuskan untuk mendengar penghujahan itu setelah pihak pendakwaan membuat bantahan semalam terhadap tindakan pihak pembelaan untuk memanggil Dr Mahathir sebagai saksi, dengan mengatakan ia tidak relevan kepada kes itu.

Anwar, 52, dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, menghadapi tuduhan berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar, di sini pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

-- BERNAMA

HS RYN NMO